



TEKS UCAPAN

**YB TUAN HJ KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**KENDURI RAKYAT WP LABUAN DAN
KARNIVAL SUKAN WILAYAHKU**

8 FEBRUARI 2020 (SABTU)

**PERKARANGAN ARENA
BOLING PADANG, WP LABUAN**

Bismillahirrahmanirrahim

Salutasi

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh Dan Salam Sayangi
Wilayahku**

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT dengan rahmat dan izinNya kita dapat bersama-sama pada hari ini menyertai Program Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan Labuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020. Program kenduri ini merupakan salah satu *signature* program Sambutan

Hari Wilayah Persekutuan yang sentiasa dekat di hati warga Labuan.

2. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kerana dapat melapangkan masa untuk sama-sama hadir pada pagi ini bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Wilayah Persekutuan peringkat Labuan. Saya dapat melihat semangat yang cukup positif di wajah anda semua.

Tuan–tuan dan puan–puan,

3. Tahun 2020 merupakan kali ke-16 kita menyambut Hari Wilayah

Persekutuan. Tema sambutan pada tahun ini masih dikekalkan sama seperti tahun sebelumnya iaitu “Sayangi Wilayahku”. Saya yakin tema ini akan menjadi penggerak utama dalam memperkasakan perpaduan di kalangan lapisan masyarakat majmuk di samping menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai sebuah bandar yang harmoni dengan persekitaran yang bersih; kondusif dan sistematik dan seterusnya meningkatkan produktiviti rakyat Labuan.

4. Pada tahun ini, saya sangat teruja melihat semangat warga Labuan yang begitu ramai mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan terutama semasa program kempen kibar bendera pada 19 Januari yang lalu. Saya yakin penganjuran program-program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan ini akan menambahkan lagi rasa sayang dan *sense of belonging* warga Labuan terhadap pulau yang dikenali sebagai Mutiara Borneo ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan

merupakan program yang dinanti-nantikan saban tahun, baik di Labuan, mahupun di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pengajuran program ini yang membawa komuniti setempat bersama-sama berkumpul menunjukkan impak positif penyatuan dan keharmonian hubungan sesama warga. Program ini turut menjadi landasan kepada kerajaan untuk menzahirkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan melalui pengisian aktiviti yang melibatkan penyertaan komuniti. Pastinya program Kenduri

Rakyat Wilayah Persekutuan ini menjadi salah satu elemen penting dalam memacu perpaduan dan kestabilan sosial khususnya dalam kalangan warga Labuan.

6. Program Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan 2020 ini juga memberi peluang kepada semua warga Wilayah Persekutuan khususnya komuniti Labuan untuk merasai kemeriahan suasana kenduri yang semakin dilupakan pada masa kini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Fokus Kementerian Wilayah Persekutuan bagi tahun 2020 ini, akan menjurus lebih kepada inisiatif Memperkasa Miskin Bandar, Membina Wilayah Gemilang. Sebagaimana yang diputuskan dalam resolusi Seminar Membasmi Kemiskinan Bandar, KWP sedang dalam penyediaan *Master Plan* atau Pelan Induk bagi menangani isu miskin bandar ini dalam masa 6 ke 9 bulan. Melalui pendekatan ini kementerian percaya bahawa isu kemiskinan bandar di Wilayah Persekutuan akan terbelia.

8. Kementerian dan Perbadanan

Labuan turut memperbanyak pelaksanaan program di bawah Inisiatif Wilayah Peduli bagi peningkatan kesejahteraan dan pembangunan sosio ekonomi penduduk Labuan seperti yang baru sahaja dijalankan baru-baru ini iaitu Ziarah Kasih. Seramai enam (6) orang pesakit yang terlantar mendapat manfaat dari program Ziarah Kasih tempoh hari di mana mereka telah menerima sumbangan RM300 dalam bentuk wang tunai, RM100 untuk barang asas dan juga sewaan katil hospital. Pemberian subsidi feri sebanyak 50% juga diteruskan pada tahun

ini untuk meringankan beban warga pulau.

9. Saya difahamkan Labuan juga sedang dalam persediaan untuk menjadi sebuah pulau pintar atau '*smart island*' sejajar dengan Blueprint Pembangunan Labuan 2030. Selain itu, Rancangan Kawasan Khas Pelancongan Labuan yang disediakan oleh PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar & Desa) juga telah mengenalpasti Labuan sebagai destinasi pelancongan pintar. Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan perhubungan, kemudahan infrastruktur

digital Labuan juga akan di dipertingkatkan selaras dengan Pelan Gentian Optik Dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) dan akan dilengkapi dengan teknologi generasi kelima (5G). Pelaksanaan 5G di Labuan ini kelak akan mempercepatkan pembangunan Labuan sebagai pulau pintar serta memberikan impak positif kepada ekonomi pulau ini bagi tempoh jangka masa panjang. Pelan transformasi itu juga akan menjadikan pulau itu sebagai pusat ekonomi serantau bersepadu yang berdaya saing untuk memberikan perkhidmatan perniagaan, pelaburan dan pengantaraan yang lebih

baik di rantau ini termasuk pasaran Malaysia Timur dan Asia.

10. Selain itu, usaha meningkatkan kemasukan pelancong turut berjalan rancak dan saya dimaklumkan Perbadanan Labuan dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi kerajaan serta NGOs telah menyenaraikan lebih seratus aktiviti bermula dari bulan Januari sehingga Disember 2020 untuk meningkatkan bilangan pelancong dalam dan luar negara.

Hadirin sekalian,

11. Kementerian serta Majlis Sukan Wilayah Persekutuan juga telah merancang pelbagai program yang mengutamakan gaya hidup sihat untuk menarik penglibatan komuniti setempat. Oleh itu, pada tahun ini, kita sekali lagi menganjurkan Karnival Sukan Wilayahku untuk meraikan komuniti Labuan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020.

12. Penganjuran karnival sukan ini dilihat bertepatan dengan titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-

Pertuan Agong yang berharap agar program-program sukan di Wilayah Persekutuan terus diperkasakan kerana ia merupakan medium terbaik dalam menyatukan masyarakat pelbagai kaum dalam gaya hidup yang sihat.

13. Selaras dengan itu, pihak Kementerian dan MSWP telah mengambil inisiatif untuk memperuntukkan sebanyak RM69 Ribu kepada 19 persatuan sukan yang aktif di Labuan bagi memastikan tadbir urus persatuan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan sistematik sekali gus dapat sama-sama membantu

melahirkan lebih banyak atlet berpotensi dari Labuan khususnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyeru semua warga Wilayah Persekutuan Labuan untuk sama-sama memajukan diri dan berusaha gigih dalam merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif kepada semua lapisan masyarakat.

**Dengan Lafaz Bismillahirahmanirahim,
saya dengan ini merasmikan program
Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan
Labuan dan Karnival Sukan Wilayahku
2020.**

**Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamu'alaikum W.B.T**